

JITRA, 11 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, KEPUTUSAN PENCABARNYA DATUK SUDIN WAHAB MENGGUNAKAN LAMBANG SEMANGAT 46 UNTUK MENENTANGNYA DI KUBANG PASU MEMBUKTIKAN PRESIDEN HAMIM ITU MENYOKONG DASAR DAP.

INI KERANA SEMANGAT 46 MERUPAKAN ANGGOTA PAKATAN PEMBANGKANG YANG DINAMAKAN +GAGASAN RAKYAT+ YANG TURUT DISERTAI OLEH DAP, KATA PERDANA MENTERI.

+OLEH KERANA SEMANGAT 46 BERADA DALAM GAGASAN TERSEBUT, INI BERMAKNA (DATUK) SUDIN WAHAB SOKONG (SETIAUSAHA AGUNG DAP, LIM) KIT SIANG,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENYERAHKAN BORANG PENCALONANNYA BAGI MEMPERTAHANKAN KERUSI ITU DI PEJABAT DAERAH KUBANG PASU DI SINI HARI INI.

SELAIN SEMANGAT 46 DAN DAP, GAGASAN RAKYAT YANG DITUBUHKAN SEMALAM DIANGGOTAI PARTI RAKYAT MALAYSIA, BARISAN KEMAJUAN INDIA SEMALAYSIA DAN PARTI SETIAKAWAN MALAYSIA. DI SAMPING ITU, SEMANGAT 46 JUGA MENGANGGOTAI SATU LAGI PAKATAN PEMBANGKANG YANG DINAMAKAN ANGKATAN PERPADUAN UMMAH (ANGKATAN), YANG MENGANDUNGI PAS, HAMIM DAN BERJASA.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DATUK SUDIN, BEKAS TOKOH PAS, TERBABIT DALAM PERTANDINGAN SATU LAWAN SATU. PENGUNDIAN IALAH PADA 21 OKT -- LAGI  
1721MST 11 10 90

D473

U B673 AAB  
LEAD MAHATHIR - HAMIM 2 JITRA R R R

UNTUK KERUSI-KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI DI KAWASAN BERKENAAN, MENTERI BESAR DATUK SERI OSMAN AROFF AKAN DICABAR OLEH CALON SEMANGAT 46 ENCIK ABDUL RASHID MOHAMAD SALLEH DI JITRA MANAKALA ANGGOTA EXCO NEGERI DATUK HAJI HANAFI RAMLI DITENTANG OLEH CALON PAS ENCIK ABU KASSIM ABDULLAH BAGI KERUSI TUNJANG.

+SAYA KELIRU SIKIT TENTANG DATUK SUDIN WAHAB. DIA DULU PAS, LEPAS TU MASUK HAMIM...KALI INI KATA DIA CALON HAMIM TAPI GUNA SIMBOL 46. JADI SAYA TAK FAHAM APA YANG DIA PERJUANGKAN,+ KATA PERDANA MENTERI.

BAGAIMANAPUN, KATANYA BELIAU YAKIN AKAN DAPAT MENGEKALKAN KERUSINYA.

+RAKYAT YANG AKAN TENTUKAN. YANG SAYA TAHU SAYA AKAN MENANG. INSYAALLAH,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA PAS KONONNYA TIDAK MENYOKONG ENCIK LIM KIT SIANG TETAPI SEBENARNYA PARTI ITU MENYOKONG DAP. -- LAGI

1729MST 11 10 90

D484

U B674 AAB  
LEAD MAHATHIR - HAMIM 3 JITRA R R R

MENURUTNYA, WALAUPUN PAS MELETAKKAN CALONNYA BERTANDING DENGAN DAP, IA HANYA BERTUJUAN MENGABUI MATA RAKYAT.

DATUK SERI OSMAN BERKATA, SEMANGAT 46 MELETAKKAN DATUK SUDIN SEBAGAI BAHAN +KORBAN+ PADA PILIHAN RAYA UMUM KALI INI.

KATANYA, PAS SENDIRI SUDAH TIDAK SANGGUP BERTANDING DI KAWASAN ITU KERANA TELAH BEBERAPA KALI MENGALAMI KEKALAHAN.

DATUK SUDIN PULA BERKATA, PENCALONAN BELIAU DI KUBANG PASU IALAH ATAS KEHENDAKNYA SENDIRI.

KATANYA, BELIAU MENGGUNAKAN SIMBOL SEMANGAT 46 MEMANDANGKAN LAMBANG PARTI ITU LEBIH DIKENALI DARIPADA LAMBANG HAMIM.

BELIAU AKAN MENGGUNAKAN ISU PENYELEWENGAN PEMBALAKAN SEMASA BERKEMPEN.

KAWASAN PARLIMEN KUBANG PASU MEMPUNYAI 52,341 PENGUNDI. PADA PILIHAN RAYA UMUM 1986, DATUK SERI DR MAHATHIR MENEWASKAN CALON PAS DR AZIZAN ISMAIL DENGAN KELEBIHAN 15,298 UNDI.

INI MERUPAKAN KALI KELIMA PERDANA MENTERI BERTANDING DI KAWASAN ITU SEJAK 1974. -- BERNAMA